



TAMBAHAN PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Apakah yang dimaksudkan tambahan penangguhan pembayaran balik pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN?

Ita adalah tambahan penangguhan bayaran balik selama 3 bulan (Disember 2020 – Februari 2021) kepada usahawan yang telah menerima penangguhan sebelum ini yang masih terjejas dengan pandemik COVID-19.



Apakah kriteria kelayakan tambahan penangguhan ini dan bilakah bermulanya penangguhan ini?

Tambahan penangguhan ini boleh dimohon oleh usahawan tidak tertunggak melebihi enam (6) bulan pada 29 Februari 2020. Pembiayaan yang diluluskan bermula Mac 2020 juga layak memohon tambahan penangguhan ini.



Saya telah mendapat penangguhan bayaran balik selama 6 bulan dari Mac – Ogos 2020. Namun begitu, disebabkan oleh PKPB pada September 2020, saya tidak berkesempatan memohon tambahan penangguhan bagi September – November 2020.

Bolehkah saya memohon tambahan penangguhan untuk September – November bersekali dengan penangguhan terbaru ini iaitu Disember 2020 – Februari 2021?

Boleh. Permohonan boleh dibuat bagi penangguhan yang telah terlepas (September – November 2020) dan penangguhan terbaru iaitu dari Disember 2020 – Februari 2021.



Apakah yang perlu dilakukan oleh usahawan untuk mendapatkan penangguhan ini?

Usahawan perlu melengkapkan Borang JPBB/BORANG/13 dan mengemukakan kepada Pejabat TEKUN Cawangan. TEKUN tidak melantik mana-mana agen atau pihak ketiga untuk proses tambahan penangguhan ini.



Bolehkah saya memohon tambahan penangguhan ini bersekali dengan penjadualan semula pembiayaan?

Anda boleh memohon penangguhan ini bersekali dengan penjadualan semula pembiayaan dengan melengkapkan Borang JPBB/BORANG/13. Walau bagaimanapun, usahawan yang telah menjadualkan semula pembiayaan menerusi PS 2.0 tidak boleh menjadualkan lagi pembiayaan mereka. Sila rujuk Pejabat Cawangan untuk semakan / maklumat lanjut.



Adakah semua produk pembiayaan TEKUN boleh memohon tambahan penangguhan ini?

Semua produk pembiayaan layak memohon KECUALI produk Kontrak-i.



Bolehkah saya meneruskan pembayaran seperti biasa sepanjang tempoh tambahan penangguhan ini?

Anda boleh membuat pembayaran menerusi Aplikasi TEKUN Pay (mobile apps), perbankan internet, CDM dan saluran pembayaran TEKUN yang lain.




Adakah rekod pembayaran balik saya akan terjejas dengan tambahan penangguhan ini?

Tidak, rekod pembayaran balik anda tidak terjejas sepanjang tempoh tambahan penangguhan ini.




Adakah saya dikenakan sebarang caj kerana tambahan penangguhan ini?

Tiada sebarang caj tambahan dikenakan sepanjang tempoh tambahan penangguhan ini.



Adakah tempoh pembiayaan saya akan sama seperti asal atau dipanjangkan?

Tempoh pembiayaan anda akan dipanjangkan lagi untuk 3 bulan. Dengan mengambilkira keseluruhan tempoh penangguhan yang diberikan, tempoh pembiayaan telah dipanjangkan selama 12 bulan (6 bln + 3 bln + 3 bln)



Apakah yang perlu saya buat selepas berakhirnya tempoh 3 bulan tambahan penangguhan tersebut?

Setelah tamat tempoh tambahan penangguhan tersebut, pembayaran balik pembiayaan perlu dibuat seperti biasa (mulai Mac 2021).



Sekiranya saya bertunggakan melebihi 6 bulan pada Februari 2020 (tidak layak penangguhan), apakah bantuan yang boleh diberikan oleh TEKUN?

Sekiranya anda bertunggakan melebihi 6 bulan pada Februari 2020, anda dinasihatkan untuk membayar tunggakan tersebut atau membuat penjadualan semula pembiayaan di Pejabat TEKUN Cawangan.




Bilakah tarikh akhir permohonan tambahan penangguhan ini?

Tarikh akhir bagi permohonan tambahan penangguhan ini adalah pada 31 Januari 2021



@tekunasional



Bersama Hentikan Wabak Covid-19

DKN 2030
Dasar Keusahawanan Nasional
"Negeri Keusahawanan Unggul 2030"